



## Bekalan gula paket 1kg terjejas di Kelantan, Terengganu

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Mei 2, 2023 @ 9:07am  
bhnews@bh.com.my



Orang ramai beratur mendapatkan gula di pasar raya sekitar Kota Bharu, Kelantan semalam. - Foto NSTP/Nik Abdullah Nik

SEPANG: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memaklumkan berlaku gangguan bekalan gula paket satu kilogram (KG) di Kelantan dan Terengganu susulan penutupan sementara kilang gula MSM di Johor dan Perai, Pulau Pinang kerana sambutan Aidilfitri baru-baru ini.

Bagaimanapun, menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata kedua-dua kilang MSM berkenaan sudah beroperasi semula pada 25 April lalu.

"Gangguan bekalan gula berlaku di **Kelantan** dan sedikit di Terengganu manakala di negeri-negeri lain isu ini tidak berlaku dan bekalan mencukupi.

"Bekalan gula sudah diperoleh secara berperingkat melalui pemborong-pemborong utama negeri terbabit.

"Hari ini KPDN Kelantan sudah mengambil langkah untuk mengedarkan bekalan gula paket satu kilogram sebanyak 250,000kg yang ada dalam simpanan pemborong utama di Kelantan kepada pemborong dan peruncit yang terjejas," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) hari ini.

Terdapat lapan pemborong utama gula di Kelantan yang mana mulai Sabtu lalu hingga semalam, empat pemborong utama sudah menerima 140.72 metrik tan gula daripada MSM.

Bekalan baharu yang diterima ini akan diagihkan kepada pemborong dan peruncit mulai esok dengan pemantauan oleh KPDN Kelantan.

"KPDN sudah bekerjasama rapat dengan dua pengilang utama negara iaitu MSM dan CSR bagi memastikan isu gangguan kepada bekalan ini diatasi dengan segera di negeri yang terbabit," katanya.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, beliau berharap penduduk di negeri terbabit tidak panik mahu pun terpedaya dengan kemungkinan isu harga gula akan naik dimainkan pihak tertentu.

"KPDN akan bertindak tegas kepada mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan atas situasi yang berlaku, begitu juga yang mungkin membuat provokasi kononnya harga gula akan dinaikkan.

"Setakat ini KPDN memberi jaminan, belum ada apa-apa keputusan kenaikan harga gula dan rakyat masih dapat membeli bekalan gula dengan harga yang ditetapkan.

"Kalau ada pihak yang menyorok atau melakukan sabotaj akan dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

\*\*\*

HEADLINE	Bekalan gula paket 1kg terjejas di Kelantan, Terengganu
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	02 May 2023 , 9.07am
BY	Irwan Shafrizan Ismail
LINK	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1096019/bekalan-gula-paket-1kg-terjejas-di-kelantan-terengganu">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1096019/bekalan-gula-paket-1kg-terjejas-di-kelantan-terengganu</a>